


WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 7 1982 / 1983*

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

**SIDANG PENGARANG WARISAN**

**PENGARANG KEHORMAT**

*Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.*

**PENOLONG PENGARANG**

*Encik Ahmad Kamal bin Marzuki  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Encik Mohd. Isa bin Mohd. Jadi*

**REKABENTUK**

*Encik Ibrahim bin Jaafar  
Encik Sharif bin Abdullah*

**KEWANGAN & PEMASARAN**

*Encik Tan Ghee Peng, AMN.*

Warisan adalah Jurnal tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Tujuan penerbitan Jurnal ini ialah untuk memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya.

Segala sumbangan artikel adalah sangat dihargai dan hendaklah dihantar kepada:

*Pengarang Kehormat,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan,  
d/a, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan,  
Seremban,  
(Telefon: 73481-73485)*

Pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam artikel-artikel di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Keluaran 7 1982/1983**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Kata-Kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.	2
Rencana Pengarang	3
Senarai Nama AJK Persatuan Sejarah Malaysia CNS, 1982 – 1983	4
Senarai Nama AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Senarai Nama AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Kampung Linggi: Beberapa Aspek Mengenai Sistem Perhambanya Dalam Abad Ke 18 dan 19 Johari bin Talib.	6
Dikir Rebana di Rembau Yaakub bin Idrus.	16
Pembentukan Pentadbiran Jelebu – Akhir Abad ke 19 Othman bin Hj. Abu Bakar.	24
Adat Minangkabau Sebelum Zaman Parapatieh: Suatu pengenalan Ringkas Norhalim bin Hj. Ibrahim.	31
Permainan Dam Melayu Ismail bin Abd. Hadi.	43
Jelebu Dalam Sejarah Ibrahim bin Mustafa.	52
Keahlian Tukang-Tukang Melayu Dalam Bidang Seni Bina. Yaakub bin Idrus.	60
Nama Baru Jalan-jalan Bandar Seremban	70
Laporan Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1982–1983.	73



KATA-KATA ALUAN  
MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan kerana berjaya menerbitkan majallahnya bagi kali yang ke tujuh.

Saya menaruh harapan semoga usaha murni ini akan berterusan pada setiap tahun dalam usaha memaparkan segala bahan yang berkaitan dengan sejarah negeri ini bagi tatapan rakyat keseluruhannya.

Rencana-rencana serta tulisan-tulisan yang berunsur sejarah ini sudah barang tentu akan memberi menafaat kepada setiap pemilik majallah ini kerana ia akan dapat memberikan gambaran yang secukupnya mengenai peristiwa dan catatan zaman lampau.

Ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama bagi generasi muda dalam usaha menghayati segala catatan-catatan sejarah zaman silam negeri ini.

Selaku Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menggesa para cendiacawan supaya tampil ke hadapan bagi merakamkan segala bahan-bahan sejarah samada dalam rupa bentuk pengalaman, catitan serta memoir untuk terus dihayati oleh golongan muda negeri ini.

Dengan kerjasama yang diberikan oleh golongan ini, tidak syak lagi ia sedikit sebanyak akan membantu Persatuan ini untuk mengumpul sebanyak bahan yang mungkin bagi dimuatkan di dalam majallah seumpama ini bagi penerbitan seterusnya.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada persatuan ini di atas daya usaha yang telah diambil untuk mengendalikan penerbitan majallah ini.

Salam takzim.

(DATO' MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

*Menteri Besar  
Negeri Sembilan.*

SEREMBAN  
15hb. Ogos, 1983.

## RENCANA PENGARANG.

Jurnal WARISAN kali ini terbit lewat sedikit dari jadualnya kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Sesungguhnya untuk menerbitkan sebuah jurnal yang berunsur sejarah seperti ini terpaksa menghadapi banyak halangan. Tidak ramai golongan cendekiawan dan tokoh sejarah yang mempunyai minat yang mendalam untuk menghasilkan karya sejarah bagi tatapan umum. Bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya masih banyak yang belum dikaji, diusahakan serta dipaparkan kepada masyarakat. Adalah menjadi harapan dan keazaman Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan untuk mengabadikan bahan-bahan sejarah yang banyak terdapat berselerak di seluruh Negeri Sembilan dalam jurnal ini.

Usaha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan sejarah bukan sahaja menjadi tugas tokoh-tokoh sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga patut dipupuk dan diperkembangkan bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap sejarah boleh memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah sejarah tersebut, khususnya sejarah lisan, akan luput dan hilang ditelan zaman yang berkembang pesat, khasnya di zaman sains dan teknologi ini.

Peranan sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. Dalam keghairahan kita mengejar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat terhadap sejarah semakin berkurangan. Menyedari kelemahan ini, Kerajaan Malaysia amnya dan Kerajaan Negeri Sembilan khasnya sedang mengambil langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan sejarah pada perspektif yang betul. Sesuatu bangsa yang lemah ialah bangsa yang tidak mempunyai sejarahnya sendiri yang dapat dibanggakan!. Sikap sensitif terhadap sejarah patut ada pada setiap rakyat negeri ini.

Jurnal Warisan keluaran 7 memuatkan artikel-artikel yang berunsur politik/pentadbiran dan juga kebudayaan/kesenian/sosial. Kepada para penyumbang artikel, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih. Sumbangan mereka adalah amat dihargai dan disanjung tinggi. Untuk membolehkan jurnal ini diterbitkan pada setiap tahun, kami memerlukan sumbangan artikel dari para pembaca, peminat sejarah dan tokoh-tokoh sejarah tempatan dan tanah air.

**Pengarang Kehormat,  
Jurnal WARISAN Keluaran 7 1982/1983.**

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Yang Di Pertua** : *Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC., Menteri Besar Negeri Sembilan.*
- Naib Yang Di Pertua** : *Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan. (Dr. Wan Mohd. Zabid bin Mohd. Noordin, KMN, PPT) sehingga 31.12.1982. (Encik Khalid bin Mohd. Jamin, KMN, BSI, PIS, PJK) mulai dari 1.1.1983.*
- Setiausaha Kehormat** : *Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.*
- Penolong Setiausaha** : *Encik Abdul Aziz bin Salleh.*
- Bendahari** : *Encik Tan Ghee Peng, AMN.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Encik Nordin bin Bakeri.  
Encik Hasbim bin Jasa, AMN.  
Tuan Syed Jaafar bin Syed Abd. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.  
Puan Kamariah bte Hj. Sabeh.*
- Pengerusi Daerah** : *Tuan Hj. Hisham bin Hj. Omar (Tampin).  
Encik Mohd. Zabidin bin Sidek (Kuala Pilah).  
Encik Abdullah bin Salleh (Rembau).  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor, PJK (Seremban).  
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK (Jejebu) sehingga 31.8.82.  
YB. Encik Abd. Kadir bin Kassim, AMN, PMC, PJK (Jejebu).  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson).  
Encik Idris bin Hussein (Jempol).*
- Pemeriksa Kira-Kira** : *Encik Abu Bakar bin Yabya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais, PJK.*

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.  
Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari.  
Encik Abdul Aziz bin Salleh.  
Encik Ibrahim bin Mustafa.  
Puan Kamariah bte. Hj. Sabeah.  
Puan Noraini bte. Ali, PJK.  
Puan Ecbam bte. Hj. Hassan.*

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Encik Hashim bin Jasa, AMN.*
- Setiausaha** : *Encik Ramthan bin Hj. Maarof, PJK.*
- Pen. Setiausaha** : *Encik Mohd. Misan bin Mastor.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.  
Encik Abd. Hamid bin Idris.  
Encik Mustafa bin Hj. Sharif.  
Encik Mohd. Hisa bin Tabat.  
Encik Tan Gbee Peng, AMN.  
Encik Ahmad bin Sibat.  
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.  
Encik Ibrahim bin Mustafa.  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.  
Puan Hj. Aishah bte. Md. Sharif.  
Puan Sbarifab Kintan bte. Syed Ali.*

# KEAHLIAN TUKANG-TUKANG MELAYU DALAM BIDANG SENI BINA

Oleh

Yaakub bin Idrus

Sek. Men. Dato' Abdullah, Astana Raja, Kota

'Tak kenal maka tak cinta' — demikian bunyi sebuah peribahasa Melayu yang selalu di-dengar. Bertolak dari peribahasa ini saya ingin membicarakan serba sedikit tentang keahlian tukang-tukang Melayu dalam bidang seni bina Melayu tradisional satu kehandalan dan kesenian warisan nenek moyang kita yang kini hampir pupus. Semoga tulisan yang pendek ini akan dapat membuka mata anak-anak kita, khususnya dalam zaman penyedaran kembali nilai-nilai budaya tradisional, agar mereka cuba memikirkan "revival" yakni penghayatan kembali nilai-nilai budaya bangsa yang tinggi itu.

Di dalam Jurnal WARISAN Keluaran 6 Tahun 1981, saya telah membuat tinjauan ke atas rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan — perbezaannya dengan rumah bentuk Minang. Dalam tulisan itu saya telah menekankan bahawa rumah Melayu Negeri Sembilan adalah Rumah Melayu Tempatan — bukan Rumah Minang, walaupun terdapat pengaruh Minang; ianya mempunyai ciri-ciri dan identitinya yang tersendiri. Di dalam tulisan ini pula saya akan memperkatakan aspek ketukangan Melayu dalam bidang seni bina Melayu, khususnya seni bina Melayu Negeri Sembilan. Mungkin tidak dapat dielakkan akan disentuh juga seni bina Melayu secara umum, khususnya seni bina Melayu Melaka kerana pada hemat saya kedua-dua ragam seni bina itu adalah serumpun dan mempunyai pertalian rapat, bukan sahaja dari segi geografi tetapi juga dari segi budaya dan falsafahnya.

## Rumah Melayu Secara Umum

Apakah yang dikatakan Rumah Melayu? Menurut Mubin Sheppard rumah Melayu yang asli ialah yang berbumbung panjang melintang. (1) Bumbung ini masih banyak terdapat pada rumah-rumah Melayu bentuk Negeri Sembilan dan Melaka; malah terdapat saki-bakinya di mana-mana di Semenanjung, termasuk juga Thailand dan Kampuchea. Dalam perbualan saya dengan seorang Dekan Seni Bina sebuah Universiti di Bangkok semasa lawatan saya ke sana tidak lama dahulu, dia menerangkan bahawa seni bina asli Thailand dan seni bina Melayu adalah serumpun: dari segi struktur, bentuk dan pahatannya; yang berbeza cuma dari segi seni hiasnya. Untuk memudahkan pengenalan kita eloklah disenaraikan ciri-ciri utama rumah rumpun Melayu itu secara umum:

1. Ia adalah binaan dari kayu,
2. Ia boleh dipasang-rombak (re-assemble system) dan boleh dipindah-pindahkan, tanpa kerosakan besar.
3. Ia bertiang tinggi dan berlantai setinggi kira-kira enam kaki, sekadar mudah berjalan di bawahnya,
4. Aras lantai rumah Melayu tulin berbeza-beza atau bertingkat-tingkat antara satu bahagian dengan lain,
5. Ia berbumbung panjang melintang (perabung panjang) dan bertabir layar tiga segi,
6. Ia mempunyai ruang-ruang yang tertentu sejajar dengan falsafah hidup dan kebudayaan bangsa Melayu.

Menurut teori seni bina dan pada kenyataannya, bentuk satu-satu seni bina yang tertentu adalah hasil dari proses evolusi. Ia bukanlah sesuatu yang dipaksakan tetapi terbentuk secara beransur-ansur yang memakan masa berzaman-zaman dan dipersetujui dan diterima oleh satu-satu masyarakat secara kolektif. Dengan ini tentulah seni bina Melayu telah terbentuk sejak beberapa lama dahulu dan tidak dapat kita pastikan kerana kita tidak mempunyai kesan-kesan, rekod-rekod atau dokumen-dokumen yang boleh dipertanggungjawabkan. Cuma satu catatan sahaja yang agak terperinci yang boleh didapati iaitu dari Kitab Sejarah Melayu (Sulalatus-Salatin) (2). Saya petik sepenuhnya:

- 
- (1) *Sheppard, Tan Sri Datuk Haji Mubin, Kertas Kerja dalam Asas Kebudayaan Kebangsaan, KKBS, Kuala Lumpur, 1973, b.425-431.*
  - (2) *Sbellabear, W.G., Sejarah Melayu, The Malaya Publishing House, Ltd., Singapore, 1950, b. 114.*



"..... Maka Sultan Mansur Shah pindahlah, tiada mahu diam di istana tempat Hang Kasturi mati itu; maka baginda memberi titah pada Bendahara menyuruh membuat istana, maka Bendahara sendiri mengadap dia, kerana adat Bendahara itu pegangannya Bentan. Ada pun besarnya istana itu tujuh belas ruang, pada seruang tiga depa luasnya, besar tiangnya sepemeluk; tujuh pangkat kemuncaknya. Pada antara itu di berinya bertingkap, pada antara tingkap itu di berinya berbumbungan melintang dan bergajah menyusu, sekaliannya bersayap layang-layang berukir dan bersengkuap, pada antara sengkuap itu diperbuatnya belalang besagi, sekaliannya bergunung-gunungan dan berjurai-jurai belaka. Ada pun segala tingkap istana itu sekaliannya dicat dan di bubuh air emas. Kemuncaknya kaca merah, apabila kena sinar matahari bernyala-nyala rupanya kilau-kilauan, tiada nyata bahana dipandang orang. Ada pun rasuk istana itu sehasta lebarnya, sejengkal tiga jari tebalnya; akan birai istana itu dua hasta lebarnya, sehasta tebalnya, diukir jenang pintu, dan empat puluh banyak pintunya, sekaliannya dicat di bubuh air emas. Terlalu indah-indah perbuatannya istana itu. Dan istana itulah dinamakan orang mahligai. Atapnya tembaga dan timah bersirip".

Dari catatan ringkas di atas dapat jugalah kita membuat andaian atau imaginasi bahawa rumah (istana) Melayu Melaka pada kira-kira 500 tahun dahulu tidak jauh bezanya dengan rumah-rumah sekarang ini: bahan-bahan dari kayu, bertiang, berlantai, berasuk pelancar dan sebagainya. Atau dengan lain perkataan, ianya diperbuat dengan teknik atau sistem pertukangan yang sama dengan yang terdapat sekarang.

### **Struktur Rumah Melayu dan bahagian-bahagian binaannya**

Seperti yang telah dibincangkan rumah Melayu ialah satu bentuk atau ragam yang tersendiri yang mempunyai ciri-ciri yang sama atau "stereotype". Dengan itu seseorang tukang tidaklah memerlukan sebarang pelan atau model. Pada mereka, mematuhi aturan masyarakat lama adalah lebih utama daripada menunjukkan keperibadian ciptaan sendiri yang kalau adapun cuma dalam pembuatan ragam hias seperti ukiran-ukiran atau lain-lain inovasi kecil. Oleh itu, untuk mendekati atau menghayati ketukangan orang-orang Melayu dan keunikan seni binanya, ada baiknya terlebih dahulu kita mengenali struktur binaan rumah Melayu secara umum. Pendekatan yang paling mudah, pada hemat saya, ialah dengan mengenali dan mempelajari istilah-istilah yang berkaitan dengannya yang kini telah hampir tidak dikenali oleh anak-anak generasi sekarang. Ada berpuh-puluh istilah seni bina Melayu yang mungkin ramai tahu menyebutnya sahaja tanpa mengenali rupa bentuknya. Malah anak-anak kita yang sedang belajar di sekolah dalam bidang-bidang yang berkenaan lebih mengenali istilah-istilah Inggerisnya kerana guru-guru mereka menggunakan buku-buku teks yang mungkin terjemahan daripada bahasa Inggeris.

Lihat gambarajah 1a dan 1b yang dipermudahkan, telitikan serta bandingkan dengan istilah-istilah yang dijelaskan di bawah ini:

1. **Perabung.** Ia adalah bahagian paling tinggi kedudukannya pada sesebuah rumah Melayu, berfungsi sebagai penutup ruang antara dua layar atap di atas bumbung rumah. Pada masa dahulu ianya dikatakan diperbuat daripada daun rembia, nipah atau lain-lain yang dilipat dan dicucuk dengan kayu tajam atau nibung yang diraut. Pencucuk ini dinamakan **cucuk perabung**.
2. **Tulang bumbung.** Sebatang (beruti) panjang yang dipasang melintang betul-betul di bawah perabung. Fungsinya adalah sebagaimana yang ditunjukkan oleh namanya itu; iaitu sebagai tulang kepada bumbung rumah dan sebagai pengunci dua, tiga atau empat pasang tunjak langit dan kasau jantan yang berdiri di atas alang, yang berbentuk seakan huruf besar 'A' itu.
3. **Tunjuk Langit.** Tiang kecil yang dipasangkan di tengah-tengah alang menegak, ditupang oleh sepasang **kasau jantan** di kiri-kanannya yang sama dipasangkan pada **alang** hingga membentuk tiga segi kuncup ke atas seperti huruf besar 'A' atau seperti kepala anak panah yang besar.


4. **Kasau jantan.** Seperti yang diterangkan dalam No. 3 diatas berukuran kira-kira 4" x 3" tebal; dipasang tebalnya tegak.
5. **Alang.** Kayu yang boleh dianggap balak kecil berukuran kira-kira 4" tebal x 5" lebar atau sama ukur dengan ukuran tiang; dipasang di atas kepala tiang (atau dipanggil juga tutup tiang), menyambungkan bahagian atas dua tiang membujur iaitu tiang rumah ibu yang hadapan dan belakang. Sekurang-kurangnya dua batang alang pada rumah yang kecil, tiga batang pada rumah sederhana dan empat batang pada rumah besar. (Saiz rumah akan dibincangkan di bawah tajuk kecil: Ukuran)
6. **Tutup tiang atau alang panjang atau kepala tiang.** Sebatang balak, nipis sedikit daripada alang yang dipasang melintang di kepala tiang (biasanya di sebelah bawah alang), menutup deretan tiang bahagian hadapan, dan sebatang lagi tiang deretan belakang, melintang rumah.
7. **Gulung-gulung atau kayu panjang.** Beberapa batang kayu panjang – sepanjang ukuran lebar bumbung rumah, berukuran kira-kira 3" tebal x 4" lebar, dipasangkan melintang terletak di atas kasau-kasau jantan, bertungsi sebagai tempat meletakkan bilah-bilah kasau betina (biasa dipanggil 'kasau' saja).
8. **Kasau atau kasau betina.** (Telah disentuh di atas); beruti yang berukuran kira-kira 1" X 2". Fungsinya sebagai tempat meletakkan/menyangkutkan keping-kepingan atap daun nipah atau rembia.
9. **Gotoh.** Sebatang kayu yang boleh dianggap sebagai alang pelapik yang dipasang selari di bawah alang menyambungkan dua tiang, kerana fungsinya ialah untuk menguatkan perdirian tunjak Langit, agar tidak condong ke kiri atau ke kanan. Gotoh hanya terdapat pada rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan.
10. **Pelancar tunjak langit atau naga-naga.** Sekeping beruti berukuran 1½" x 3½" yang dipasang melintang melalui tebukuan tunjak-tunjakk langit untuk mengunci tunjak-langit itu supaya tidak condong, sama seperti fungsi gotoh di atas. Kayu ini biasa terdapat pada rumah-rumah bentuk Melaka sahaja.
11. **Sokong barat.** Sebatang lagi kayu panjang yang dipasang tegak-serong dari salah satu hujung alang ke puncak tunjak langit yang berlawanan. Fungsinya samalah seperti gotoh, naga-naga, iaitu untuk menegapkan perdirian tunjak langit dan bumbung keseluruhannya.
12. **Tiang gantung.** Sekerat beruti pendek, biasanya berkepala patung berukir dipasangkan di hujung-hujung alang dan gotoh untuk menguncikan kedua-duanya dan juga sebagai tempat melekatkan kasau jantan bagi serambi dan kelit anak (Kelek anak).
13. **Papan gendeng atau papan tumpu kasau.** Sekeping papan lebar dan tebal, biasanya berukir atau berkerawang di hujung-pangkalnya dan berpotong bentuk daun berhias di sepanjang bahagian bawahnya. Ia dipasang menutupi hujung-hujung alang sebagai hiasan dan juga untuk menutup hujung-hujung kasau.
14. **Tiang.** Ia tidak perlu diperkenalkan lagi. Tianglah bahagian rumah yang paling penting. Tanpa tiang tidak akan tegak sebuah rumah (kecuali rumah "log" atau rumah tanah liat barangkali). Tiang-tiang rumah Melayu asli biasanya bulat atau segi-lapan. Hanya pada zaman kini tiang-tiang diperbuat segi-empat, berukuran 5" x 5".

15. **Rasuk** dan 16. **Pelancar**. Kedua-duanya ialah kepingan balak nipis panjang, berukuran kira-kira 1½" tebal X 5" lebar dan biasanya diperbuat daripada kayu yang sangat tahan seperti cengal, merebau dan lain-lain. **Rasuk** dipasangkan melalui tebukon tiang membujur hadapan ke belakang setinggi kira-kira 6 kaki dari tanah. **Pelancar** pula dipasang melintang kiri-kanan rumah melalui tebukon tiang seperti rasuk tetapi letaknya sebelah atas sedikit daripada rasuk (di Negeri Sembilan), dari terkebawah sedikit daripada rasuk (di Melaka). Sebenarnya rasuk dan **pelancar** yang menjadi kunci menegakkan pendirian tiang-tiang, malah seluruh binaan rumah itu. Tetapi rasuk pula mempunyai tugas lebih berat iaitu sebagai tempat memetakkan beruti-beruti sederhana besar yang dipanggil **gelegar** atau **jeriau**, yang pula menjadi landasan lantai-lantai dan seluruh keberatan atas rumah; hingganak terbit sebuah peribahasa yang berbunyi: Gar-gar kata gelegar, rasuk juga yang menahan, yang bermaksud anak-isteri yang berlagak besar, si bapalah yang menanggung.
17. **Gelegar** atau **jeriau**. (Sudah diterangkan di atas). Perkataan **jeriau** biasa digunakan di Negeri Sembilan. Ia berukuran kira-kira 3." X 4." dipasang bersusun jarak-jarak sekaki di atas rasuk melintang kiri ke kanan rumah. Lantai-lantai dipasang di atasnya. Oleh itu lantai semestinya membujur dari hadapan ke belakang rumah, seolah-olah menjadi satu pantang kalau dipasang melintang rumah.
18. **Lantai**. (Sudah dijelaskan).
19. **Bendul**. Balak kecil berukuran kira-kira 4" X 5" dipasang di sebelah luar di sekeliling rumah, terletak di atas hujung **pelancar** dan **diampu** dengan tupai-tupai (di Negeri Sembilan), dan di atas hujung **rasuk** (di Melaka) dan **diampu** dengan **tupai-tupai** yang dipasangkan pula pada hujung **pelancar**.
20. **Tupai-tupai**. (Sudah disentuh di atas) , sekerat beruti sederhana besar, biasanya berhias dengan ukiran, ditebuk untuk disusupkan di hujung rasuk atau pelancar sebagai pengampu keberatan **bendul**.
21. **Jerejak**. Beruti-beruti kecil berukuran kira-kira 2½ x 3" yang dipasangkan tegak di sepanjang **bendul** dan bahagian atas dipasangkan ke **alang** atau ke **tutup tiang**, biasanya sejajar dengan jenang-jenang tingkap. **Jerejak** adalah tempat memakukkan dinding jenis melintang atau disebut dinding **tindih kasih**.<sup>1</sup>
22. **Belebas**. Sama seperti **jerejak** tetapi ia dipasang melintang dan dilekapkan pada **tiang**, dan adalah tempat melekatkan dinding **papan berlidah** yang dipasang tegak di atas **bendul**.
23. **Alas** atau **sendi tiang**. Ketulan batu tempat meletakkan tiang. Zaman dahulu sendi tiang dibuat daripada ketulan-ketulan batu yang dipahat dan kadangkala berukir, tetapi kini biasanya daripada simen konkrit yang dituang.

Barangkali setakat ini sahaja bahagian-bahagian rumah yang boleh dikatakan sebagai bahagian-bahagian struktur atau kerangka sesebuah rumah Melayu. Adapun bahagian-bahagian lain adalah sebagai bahagian-bahagian pelengkap atau pencukup; ia adalah terdiri daripada:

dinding, kambi, papan kembang,  
pintu, jenang pintu, daun pintu, palang pintu,  
tingkap, jenang tingkap, daun tingkap, kisi-kisi,  
tangga, anak tangga, alas tangga, rumah tangga,  
pasak, susuh,  
kunci, selak, kancing  
pelempar, dan sebagainya.


GAMBARAJAH 1a.



Rangka Rumah Melaka  
(Rumah tiang 12)

GAMBARAJAH 1b.

Struktur Rumah NS.  
(Rembau)



Selain dari itu patut juga dikenali nama-nama bagi ruang-ruang yang biasa terdapat pada rumah-rumah Melayu seperti:

Serambi, pangkal serambi, hujung serambi, anjung,  
rumah ibu, tengah rumah, tiang tengah, bilik, kelit anak,  
rumah dapur, dapur masak, para-para, para buang,  
pelantar, pelantar kincah,  
gajah menyusu atau gajah menyusur,  
peran atau lotang,  
sengkuap, dan lain-lain lagi.

### **Tukang rumah Melayu.**

Seorang tukang rumah Melayu bukan saja dijangka mahir dalam ilmu dan selok-belok pertukangan tetapi adalah seorang yang serba tahu, terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembinaan rumah dan lain-lain yang berhubung dengan kerjayanya:

(a) Ia adalah seorang bomoh atau pawang, atau sekurang-kurangnya boleh dipanggil seorang pawang kecil. Dengan mempunyai serba sedikit ilmu kepawangan, dia sering diminta oleh bakal tuan rumah yang akan didirikan untuk melihat dan mencarikan tapak rumah yang baik, seperti tapak yang terjauh dari penyakit, murah rezeki, aman damai dihuni dan sebagainya. Ini bermakna si tukang itu mesti tahu serba sedikit tentang hantu-jembalang penunggu tanah sejajar dengan kepercayaan masyarakat Melayu lama. Ia juga harus tahu memilih kayu yang 'selamat'.

(b) Seorang tukang Melayu semestinya seorang yang ahli dalam bidang kayu-kayan. Ia mesti tahu nama-nama dan jenis-jenis kayu yang baik dan sesuai dengan fungsinya di dalam struktur binaan rumah — seperti cengal paling sesuai dibuat rasuk kerana daya tahan lenturnya yang sangat tinggi, seraya sangat elok dibuat papan lantai dan dinding, merebau sangat tahan dijadikan balak dan tiang dan begitulah seterusnya. Dia juga harus dapat mengenal hujung-pangkal kayu; kalau dipasang menyongsang dikatakan rumah itu akan berhantu dan akan memakan penghuni rumah itu. Sebuah rumah juga tidak boleh dibuat dari sebatang kayu keseluruhannya kerana dikatakan boleh berhantu juga.

(c) Dia mestilah benar-benar ahli dalam segala aspek seni bina dan pertukangan, seperti dalam hal pahat-memahat, ukur-mengukur, ketam-mengetam, ukir-mengukir dan seumpamanya.


(d) Dia juga adalah seorang budayawan. Dia semestinya cukup faham akan kehendak-kehendak atau keperluan masyarakat tempatnya bertukang itu, tahu pantang-larang dan resam masyarakatnya. Dengan mengetahui hal-hal seperti ini, maka tidaklah timbul sebarang percanggahan setelah rumah yang ditukangnya itu siap. Umpamanya: tangga hadapan harus diletakkan di pangkal serambi atau sebelah hilir rumah dan bilik dalam rumah ibu harus diletakkan berlawanan dengan pangkal serambi. Jika kedua-duanya diletakkan berhampiran, masyarakat akan menganggapnya sumbang. Si tukang itu harus sedia tahu bahawa lantai dalam ruang ibu rumah berhampiran pintu ke dapur harus dijarangkan sedikit kira-kira lima keping untuk memudahkan air turun bila berlaku kematian (memandikan mayat) atau bila ada perempuan-perempuan di rumah itu bersalin di tempat itu; dan berbagai-bagai lagi.

Sesungguhnya, seperti yang telah dimaklumi, keahlian tukang Melayu ini bukan merupakan kebolehannya secara individu. Ia adalah secara tidak langsung keahlian masyarakat Melayu secara kolektif. Ia adalah ilmu yang diwarisi turun-temurun dan telah menjadi satu tradisi Melayu. Ramai ahli seni bina dari barat, dan pengkritik-pengkritik tempatan berpendapat bahawa seni bina Melayu adalah satu-satunya yang tertinggi dan unik di dunia. Ini dapat dibuktikan dengan melihat beberapa buah binaan kayu lama yang masih tersergam dan utuh, walaupun sudah tidak digunakan lagi, seperti Istana Lama di Seri Menanti, Istana Ampang Tinggi (kini Muzium Negeri) di Seremban, Istana Lembah dan Istana Bukit Candan di Perak, dan beberapa buah bekas istana kayu di Kelantan dan di Terengganu. Begitu juga bangunan-bangunan masjid seperti Masjid Kampung Laut di Kelantan yang kini ditegakkan semula berhampiran dengan tapak Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri.

Di Negeri Sembilan ini, selain daripada bekas-bekas istana yang disebutkan di atas tadi, terdapat beratus-ratus rumah Melayu yang cantik dan masih digunakan. Rumah-rumah itu boleh dikatakan sangat baik mutunya sama ada dari segi ketukangan mahupun dari segi estetika. Agak dikesalkan juga, banyak di antara rumah-rumah besar yang bagus itu tidak dihuni yakni teringgal begitu saja dan ditumbuhi lalang dan semak di persekitarannya, menunggu kedatangan pelawat-pelawat yang berminat. Di antara rumah-rumah itu ialah seperti rumah bekas Undang Luak Rembau di Kampung Chembong, di Chengkaudan di Kota. Begitu juga rumah bekas Undang Sungai Ujung di Kampung Pantai.

#### **Keahlian dalam seni ukir.**

Untuk memperkatakan keahlian tukang Melayu secara keseluruhan tentulah sesuatu yang tidak mungkin dalam ruangan sesempit ini. Malah untuk bidang seni bina sahajapun tidak mungkin. Lanya memerlukan ruangan yang amat besar. Di sini saya cuma ingin menyentuh sedikit contoh-contoh yang terdapat di sana sini khususnya di Negeri Sembilan ini. Di sekitar bandar Seremban kita dapat melihat contoh-contoh yang amat baik, satu yang terdapat pada bekas Istana Ampang Tinggi (Muzeum Negeri) dan satu lagi pada bekas rumah contoh dari Mambau, atau lebih terkenal dengan panggilan 'rumah hantu' yang kini terletak di persimpangan lebuh raya ke Seremban. Dalam kedua-dua bangunan lama itu terdapat amat banyak contoh-contoh ukiran yang bermutu tinggi. Ukiran-ukiran itu terdapat di beberapa bahagian rumah itu seperti pada tangga, bendul, kembi dinding dan terutamanya pada ambang pintu. Ukiran pada ambang pintu teramat indah dan hebat — kebanyakannya ukiran tebuk atau kerawang. Hampir semua ukiran itu bermotifkan tumbuh-tumbuhan. Ukiran-ukiran yang terdapat pada 'rumah hantu' itu pula kelihatan agak kurang hebatnya, mungkin kerana jenis kayu yang digunakan kelihatan agak kurang mutunya ataupun kerana telah disapu minyak hitam (jadi kurang serinya) kecuali pada kepala tangganya (gambar dilampirkan).



**GAMBAR 1**  
Contoh kepala tangga di "Rumah Hantu" berhampiran lebuh raya Seremban-Kuala Lumpur. Ukiran ini menyamai ukiran Minang, terutama pada papan "lampuk"—papan berukir penutup rasuk, dan bahagian bawah bendul — ukiran "awan tak sudah".

Namun apabila diteliti ternyata ukiran-ukiran itu sangat indah, terutama awan 'pucuk rebung' pada kembang-kembang tingkap dan awan 'lengkaran' atau 'awan tak sudah' pada papan-papan lampuk penutup pelancar antara tiang ke tiang di bawah bendul depan serambi.

Ukiran pada Istana Lama Seri Menanti kelihatan tidak begitu banyak dan tidak sehebat ukiran di Muzeum Negeri itu. Ini mungkin kerana Istana Lama itu terlalu besar untuk dipenuhi dengan ukiran-ukiran. Di sana terdapat ukiran-ukiran bermotifkan burung, dan setengahnya berupa seperti ukiran Cina.

Di Rembau, saya dapat melihat beberapa buah rumah tua yang masih bertunggu dan mempunyai ukiran-ukiran yang cantik dan hebat. Satu daripadanya ialah rumah Encik Osman bin Katas di Kampung Lada, Chengkau. Umur rumah itu kira-kira lebih 120 tahun memandangkan pada ukiran kerawang ambang pintu rumah ibunya terukir tahun Hijrah 1283. Namun begitu keadaan rumah itu masih segar dan dijaga oleh penghuninya dengan cukup rapi. Ukiran-ukiran memenuhi seluruh serambinya, tiang-tiang dan dinding bilik, dan juga pada papan kembang di kaki dinding luar rumah ibu. Yang lebih mengagumkan ialah ukiran pada tiang tengahnya, berukir dengan ukiran lilitan dari lantai sehingga ke perannya. Menurut isteri Encik Osman, bahawa tukang rumah tersebut ialah tuannya sendiri bernama Haji Dahil, iaitu nenek kepada isteri Encik Osman — seorang Datuk Lembaga. Ia dibantu oleh seorang lain bernama Bidi.

Sebuah rumah lain yang tidak kurang juga hebat ukirannya ialah rumah Allahyarham Encik Daud, Pegawai Pertanian bersara. Rumah ini sebenarnya peninggalan datuk mertuanya, Datuk Gempa Haji Zakaria. Menurut Hajjah Timah, isteri Encik Daud, rumah itu telah tiga kali dijual dan dipindahkan — mulanya dari Chengkau Ulu, kemudian ke Penajis dan akhirnya ke Kampung Lada. Di dua tapak yang pertama, kononnya, penghuni rumah itu sering mengalami sakit dan kematian. Setelah dibeli oleh Datuk Gempa Haji Zakaria, salah satu daripada tiang rumah ibunya telah dibuang dan barulah rumah itu sejahtera didiami hingga sekarang. Ukiran-ukiran rumah itu boleh dikatakan sangat banyak dan besar-besarnya, termasuk ukiran pada tiang-tiang dan bingkai katilnya.

Akhirnya saya sebutkan satu lagi ukiran yang cantik jenis kerawang, iaitu ukiran mimbar masjid Kampung Nerasau yang tersangat halus dan rumit dan berumur ratusan tahun juga. Menurut penduduk tua kampung itu ukiran itu dikerjakan oleh seorang pengukir keturunan Jawa. Memang di Rembau sangat banyak didapati ukiran-ukiran Jawa ataupun pengaruh Jawa — bukan Minang. Ini agak aneh juga.

### **Ketukangan dalam segi ukuran**

Dari segi ukuran seni bina Melayu tidaklah boleh dianggap sebagai satu keahlian secara individu seseorang tukang tetapi adalah hasil dari proses evolusi sebagaimana aspek-aspek yang lain. Yang saya maksud 'ukuran' di sini ialah tentang saiz dan "proportion" struktur rumah, termasuk juga ukuran besar-kecil dan tebal-nipis setiap kayu yang digunakan. Semuanya kelihatan seolah-olah telah mencapai satu "standard" atau "perfection" yang susah hendak diubah-pinda; kalau dipinda akan mencacatkan bentuk yang sedia ada itu.


Tentang saiz rumah pula mereka tidak menggunakan satu-satu ukuran yang tertentu. Melalui pemerhatian, sistem yang mereka gunakan berdasarkan 'sajak', yakni dengan cara memerhati, menimbang dan merasa-rasa yakni adakah satu-satu ukuran atau "proportion" itu sajak di pandang atau tidak. Menerusi kaedah ini, maka wujudlah ukuran dan bentuk rumah yang tersendiri seperti yang terdapat sekarang. Ini juga tentulah melibatkan faktor-faktor manusia (saiz manusia, keperluan hidup dan budayanya, dan juga faktor geografi — iklim dan bahan-bahan yang mudah diperolehi di sekeliling), juga faktor ketahanan bahan.

Dalam menentukan saiz rumah, tukang-tukang Melayu nampaknya tidak menggunakan ukuran yang standard seperti kaki dan inci secara ilmiah; tetapi mereka menggunakan ukuran kadar, seperti depa, jengkal, tinggi berdiri, hasta dan lain-lain. Selain itu mereka juga menggunakan ukuran bilangan tiang untuk menentukan saiz rumah:



**GAMBAR 2**  
 Contoh rumah Allahyarham Tuan Hj. Daud, bekas Pegawai Pertanian, di Kg. Tanah Datar, Chengkau.

**GAMBAR 3**  
 Rumah Cik Ipud (kakek kepada Allahyarham Undang Hj. Ipap) di Kg. Tanjung, Kota. Bentuk rumah ini memperlihatkan campuran Rembau—Melaka, tetapi ganjil kerana anjung/bilik tidak di hujung atau di pangkal serambi, tetapi di tepi iaitu di rusuk kiri atau kanan rumah ibu. Pahatannya memperlihatkan gaya Rembau.





Rumah paling kecil disebut 'rumah empat batang'.

Rumah sederhana disebut 'rumah tiang dua belas' iaitu mengandungi tiga deret tiang (atau dua ruang, yakni jarak dari tiang ke tiang, kira-kira dua depa), mengandungi tiga batang tiang serambi, enam batang tiang rumah ibu dan tiga barang tiang kelit anak. Ini tidak termasuk tiang rumah dapur.

Rumah besar pula disebut 'rumah tiang enam belas', iaitu empat deret tiang (tiga ruang)—empat batang pada sederet. Pengiraan ini tidak mengambil kira tiang anjung serambi.

Ada satu lagi kebiasaan pada bilangan yang agak aneh, iaitu kebanyakan bilangan dikehendaki ganjil: seperti anak tangga harus tiga, lima atau tujuh. Begitu juga bilangan kasau, gelegar dan lain-lain. Kita tidak tahu sebabnya. Allahu aalam.

Satu perkara yang ingin saya ulangi ialah setelah mengetahui serba sedikit tentang ketukangan seni bina warisan nenek moyang kita itu, timbullah hendaknya sedikit kesedaran dan rasa kasih sayang terhadap kesenian budaya bangsa ini. Seseorang itu walaupun tidak berhajat hendak membina rumah tradisional, perlu mengambil aspek-aspek yang baik untuk diterapkan ke dalam seni bina moden yang akan didirikan kelak, umpama panel-panel ukiran barang sekeping dua, atau kisi-kisi tingkap dipasangkan di mana-mana sudut yang munasabah agar manis dipandang. Begitu juga halnya dengan ciri-ciri ruang yang boleh ditiru agar lebih sesuai dan selesa dengan kehidupan dan kebudayaan kita bangsa Melayu dan penganut agama suci Islam.

#### Bahan-bahan rujukan

1. *Lai Kok Kum, "The Use of Timber in Building", Majalah Akitek, b. 50 — 52.*
2. *Shellabear, W.G., Sejarah Melayu. The Malaya Publishing House Ltd., Singapore, 1950.*
3. *Sheppard, Tan Sri Dato' Haji, "Malay Palaces of The Past", Part I, Malaya in History, Vol. VIII, Dec. 1962. Print Craft, K.L.*
4. *Kertas Kerja dalam Asas Kebudayaan Kebangsaan, KKBS, KL. 1973.*
5. *Yaakub Idrus, Rumah Rembau, rumah Melaka, tesis STTI, KL. 1963.*
6. *Lawatan-lawatan dan temubual dengan orang-orang perseorangan.*
7. *Sheppard, Tan Sri Dato' Haji, Mekarnya Seni Pertukangan Malaysian, Eastern Universities Press, KL. 1980.*

**NAMA BARU JALAN-JALAN  
BANDAR SEREMBAN**

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<b>PUSAT BANDAR</b>	
Jalan Templer	Jalan Tun Dr. Ismail
Jalan Birch	Jalan Dato' Bandar Tunggal
Jalan Paul	Jalan Yam Tuan
Jalan Lemon	Jalan Tuanku Munawir
Jalan Tuan Sheikh	Jalan Dato' Sheikh Ahmad
Jalan Cameron	Jalan Dato' Lee Fong Yee
Jalan Tunku Hassan	Jalan Tunku Hassan (tiada perubahan)
Jalan Wilsinson	Jalan Dato' Abdul Rahman
Jalan Carew	Jalan Dr. Krishnan
Murray Street	Jalan Kapitan Tam Yeong
Jalan Lee Sam	Jalan Lee Sam (tiada perubahan)
Jalan Simpson	Jalan Dr. Samuel
Jalan Lister	Jalan Dato' Hamzah
Jalan Rahang	Jalan Tuanku Antah
Jalan Butler	Jalan Yazid Ahmad
alan Singapura	Jalan Siow Loong Hin
Jalan Sungai	Jalan Kong Sang
Jalan Dewan Bandaran	Jalan Utam Singh
Jalan Pasar	Jalan Pasar (tiada perubahan)
Jalan Wallich	Jalan Dr. Murugesu
Jalan Labu Spur	Jalan Sungai Ujong
Java Lane I	Lorong Jawa Satu
Java Lane II	Lorong Jawa Dua
Jalan Depan New International Hotel	Jalan Veloo
Jalan Bomba	Jalan Lim Kee Siong
Jalan Melaka	Jalan Dato' Abdul Kadir
Lorong antara kuil sikh dengan bangunan tambahan Majlis Perbandaran Seremban.	Lorong Khalsa

Nama Sekarang	Nama Yang Dicapadangkan
<b>KAWASAN SIKAMAT</b>	
Jalan Dunman	Jalan Tuan Haji Said
Jalan Cemetery	Jalan Tunku Kurshiah
Jalan Channer	Jalan Dato' Siamang Gagap
Jalan Connection	Jalan Tok Dagang
<b>KAWASAN BAHANG</b>	
Jalan Hose	Jalan Za'aba
Jalan Berhala	Jalan Berhala (tiada perubahan)
Jalan Wise	Jalan Dato' Muda Linggi
Jalan Taman Bunga	Jalan Taman Bunga (tiada perubahan)
Jalan Egerton	Jalan Penghulu Chantik
Jalan Rahang Square	Jalan Medan Rahang
Jalan Keliling	Jalan Keliling (tiada perubahan)
Jalan Banks	Jalan Dr. Chong Ah Khoon.
Jalan Kiernan	Jalan Muti Ahmad
Lorong Green	Jalan Aminudin Baki
Jalan Gereja	Jalan Gereja (tiada perubahan)
Jalan Braddon	Jalan Tetamu
Jalan Singkat	Jalan Singkat (tiada perubahan)
Jalan Ridgeway	Jalan Raja Muda Ali
Jalan Loop	Jalan Tok Ungku
Jalan Mutton	Jalan Gan Tam
Jalan Wong Yik Tong	Jalan Dato' Wong Yik Tong
<b>KAWASAN RASAH</b>	
Jalan Rasah	Jalan Rasah (tiada perubahan)
Jalan Dr. Muthu	Jalan Dr. Muthu (tiada perubahan)
Jalan Bukit Rasah	Jalan Bukit Rasah (tiada perubahan)
Jalan Bukit Tembok	Jalan Bukit Tembok (tiada perubahan)

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<p><b>KAWASAN KAMPONG BARU JALAN DATO' KLANA</b></p> <p>Jalan Dato' Klana Jalan Kilat, Jalan Swettenham Jalan Dato' Bandar</p>	<p>Jalan Dato' Kelana Ma'amor Jalan Kilat (tiada perubahan) Jalan Dato' Abdullah Jalan Lt. Adnan</p>
<p><b>KAWASAN TEMIANG</b></p> <p>Jalan Limbok Atas Jalan Limbok Bawah Jalan Temiang Jalan Tembak Jalan Sasaran Jalan Tembak Batu Jalan Lobak Jalan Locke Jalan Cumming</p>	<p>Jalan Seng Meng Lee Jalan Quek Kai Dong Jalan Temiang (tiada perubahan) Jalan Han Hui Foong Jalan Muthu Cumaru Jalan Lam Teck Choon Jalan Manickavasagam Jalan Nunis Jalan Haji Abdul Hamid (Disatukan dengan Jalan Haji Abdul Hamid yang sedia ada)</p>

**LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1982 – 1983**

**1 Jawatankuasa Kerja**

1.1	Yang Di Pertua	—	YAB Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC.
1.2	Naib Yang Di Pertua	—	Pegarah Pelajaran N.S. (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
1.3	Setiausaha Kehormat	—	Encik Ismail b. Abd. Hadi, AMN, PJK.
1.4	Pen. Setiausaha Kehormat	—	Encik Abd. Aziz bin Salleh
1.5	Bendahari	—	Encik Tan Chee Peng, AMN.
1.6	Jawatankuasa	—	Encik Nordin bin Bakri Encik Hashim bin Jasa, AMN. Tn. S. Jaafar b. S.A. Rahman, PJK. Tn. Hj. Mohd. Ariff bin Osman Pn. Kamariah bt. Hj. Sabeh
1.7	Pengarang	—	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.

**2. Mesyuarat Jawatankuasa**

Sepanjang tahun 1982 jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 2 kali. Senarai kehadiran adalah seperti di bawah:

Bil.	Nama	Tarikh Mesyuarat		
1.	YAB. Dato' Mohd. Isa	H	H	2/2
2.	Dr. Wan Mohd. Zahid	H	H	2/2
3.	Encik Ismail	H	H	2/2
4.	Encik Abd. Aziz	TH	H	1/2
5.	Encik Tan Ghee Peng	H	H	2/2
6.	Encik Nordin	H	H	2/2
7.	Encik Hashim	H	H	2/2
8.	Tn. S. Jaafar	TH	TH	0/2
9.	Tn. Hj. Mohd. Arif	H	TH	1/2
10	Pn. Kamariah	H	H	2/2

Kedua-dua mesyuarat ini semua Pengerusi PSM/CNS peringkat Kawasan dan Urusetia Majlis Kebudayaan Negeri telah dijemput sebagai pemerhati dan jemputan khas. Tempat mesyuarat di Bilik Gerakan, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.

**3. Jawatankuasa Biro-Biro**

PSM/CNS ini hanya ada dua biro, iaitu Penyelidikan dan Penerbitan.

### 3.1. Biro Penyelidikan

#### 3.1.1. Ahli Jawatankuasa

**Pengerusi:** Tuan Hj. Mohd. Nor Long, PMV  
**Setiausaha:** Encik Abd. Aziz Salleh  
**Jawatankuasa:** Encik Nordin Bakri  
Tuan Hj. Mohd. Arif Osman  
Tuan S. Jaafar S. A. Rahman, PJK  
Dato' Hj. Mohd. Sharif F. Hassan PPN, PJK  
Puan Kamariah Hj. Sabeh  
Puan Norini Ali  
Puan Echam Hj. Hasan

#### 3.1.2. Kegiatan

Biro ini meneruskan usaha dan projek yang telah dirancang di samping bekerjasama dengan projek PSM/CNS sendiri.

### 3.2. Biro Penerbitan

#### 3.2.1. Ahli Jawatankuasa

**Pengerusi:** Encik Hashim Jasa, AMN  
**Setiausaha:** Encik Ramthan Hi. Maarof, PJK  
**Jawatankuasa:** Dato' Hj. Mohd. Sharif, PPN, PJK  
Encik Tan Ghee Peng, AMN  
Encik Mustafa Hj. Sharif  
Encik Ahmad bin Sihat  
Encik Mohd. Hisa Tahat  
Cik Virki Mutti PPN, PPT, PJK  
Puan Hj. Aishah Md. Sharif  
Puan S. Kintan S. Ali

#### 3.2.2. Kegiatan

Biro ini telah dapat menerbitkan majalah 'Warisan'. Telah dicetak sebanyak 1,000 naskhah. Ianya telah diedarkan kepada ahli-ahli dan juga pihak-pihak berkenaan.

Di samping itu biro ini juga telah bekerjasama dalam menguruskan pertandingan mengarang sejarah.

Penerbitan majalah 'Warisan' seterusnya telah pun diatur di mana pengumpulan makalah telah dijalankan dan dijangka dapat diterbitkan tahun 1983.

### 4. Kegiatan Umum:

#### 4.1. Mini Muzium dan Pusat Kraftangan

Raja Negeri Sembilan telah membentuk Jawatankuasa Mini Muzium dan Pusat Kraftangan. PSM/CNS adalah menduduki Jawatankuasa ini. Satu kertas kerja berhubungan dengan pengisian ruang dalam bagi Mini Muzium dan Kraftangan itu telah disediakan oleh persatuan ini.

#### **4.2. Penukaran Nama Jalan**

Majlis Perbandaran Seremban telah membentuk satu Jawatankuasa Penukaran Nama Jalan dan Tempat bagi Perbandaran Seremban. PSM/CNS telah dilantik bersama menganggotai Jawatankuasa ini. Kerja-kerja penukaran nama ini telah selesai dan cadangan Jawatankuasa ini telah disampaikan kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk kelulusan EXCO.

#### **4.3 Berita Dari Jendela**

Sepanjang tahun 1982, berdasarkan kegiatan dan perkara-perkara yang melibatkan persatuan ini, maka Berita Dari Jendela hanya dapat diterbitkan sebanyak dua kali sahaja. Kebanyakan berita tersebut adalah sebahagian besarnya daripada kegiatan negeri. Diharap untuk masa hadapan akan banyak berita kawasan dapat dimuatkan untuk pengetahuan seluruh ahli. Sementara itu pihak PSM Pusat menyedut beberapa berita daripada Dari Jendela ini untuk dimuatkan pula ke dalam Berita PSM Pusat.

#### **4.4 Kuiz Sejarah Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan**

Seperti tahun-tahun sebelumnya Persatuan ini adalah terlibat dan memberikan kerjasama erat bagi menjayakan pertandingan kuiz ini dari peringkat sekolah, Zon Kawasan, Negeri, Zon Selatan dan seterusnya ke peringkat Pusat.

Bagi tahun 1982 ini pertandingan peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 3hb. April, 1983 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama, Jalan Tunku Kurshiah, Seremban. Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja, Rembau muncul sebagai johan merebut Tropi Pusingan, hadiah daripada KARYA BISTARI SDN. BHD. KUALA LUMPUR. Naib Johan ialah Sekolah Menengah Dato' Klana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Undang Jelebu mendapat tempat ketiga.

#### **4.5 Azam dan Citarasa 1983**

Memandangkan perkembangan yang begitu menggalakkan dan kegigihan setiap Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan ini begitu tinggi maka persatuan ini akan dapat mempertingkatkan lagi hasil sepertimana program-program yang telah disusun. Namun begitu kejayaan-kejayaan akan meningkat lagi dengan bantuan erat dan kerjasama daripada seluruh ahli.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Penyata Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1hb. Januari 1982 hingga 31hb. Disember 1982)**

**Penerimaan**

Baki pada 31.12.1981	3,919.12								
Yuran Ahli Institusi @ 30.00 x 16	480.00								
Yuran Ahli Perseorangan @ 15.00 x 3	45.00								
Sumbangan dari Yayasan NS	5,000.00								
Sumbangan Lain	8.00								
Bayaran diterima daripada jualan									
↳Warisan ke 6' @ 4.00 x 233	932.25								

**Perbelanjaan**

Sumbangan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Pusat bagi tahun 1981	341.60								
Alatujis									
Setem	123.30								
Percetakan ↳Warisan ke 6' x 1,000	20.00								
Cenderamata-cenderamata kepada penulis-penulis makalah	3,123.80								
Mem beli terbitan-terbitan	450.00								
Belanja mesyuarat AJK	21.00								
Tambah ke mesyuarat Agung PSM pusat bagi 3 orang wakil PSMCNS	20.00								
Cek dipulangkan oleh bank dan setem	25.00								
Baki pada 31.12.1982	4.75								
	<u>6,254.92</u>								

10,384.37

10,384.37

**Kunci Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1.1.1982 hingga 31.12.1982)**

**Tanggung**

**Harta**

Lebihan penerimaan daripada perbelanjaan	2,335.80
Baki daripada tahun 1981	3,919.12
	<u>6,254.92</u>

**Baki dalam bank**

6,254.92

6,254.92

Saya mengesahkan bahawa penyata dan kunci kira-kira di atas adalah benar.

t.t.

t.t.

(MOHD. ZAIN BIN H.J. RAIS PIJK)

(Tan Ghae Peng AMN)

Juruaudit Kehormat

Bendahari Kehormat